

# **AN ANALYSIS OF ZAKAT ASSESSMENT METHODS ON SHARES IN MALAYSIA: A COMPREHENSIVE REVIEW**

## **ANALISIS KAEDAH TAKSIRAN ZAKAT SAHAM DI MALAYSIA: SUATU ULASAN KOMPREHENSIF**

**MUHAMMAD MUTHI UL HAQQ FATAH YASIN\***

Fakulti Pengajian Islam Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed  
Sirajuddin, Perlis, Malaysia  
muthi@unisiraj.edu.my

**AHMAD HAMDANI FAKHRUDDIN MUKHTAR**

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed  
Sirajuddin, Perlis, Malaysia.  
ahmadhamdani@kuips.edu.my

**MOHD NAZIM MOHD NOOR**

Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat  
Melayu Perlis.  
mohdnazim@maips.gov.my

\*Corresponding author: muthi@unisiraj.edu.my

A PEER-REVIEWED ARTICLE

(RECEIVED – 10/7/2025; ACCEPTED – 24/10/2025; PUBLISHED – 10/12/2025)

DOI: <https://doi.org/10.65404/JAWHAR.302010>

---

### **ABSTRACT**

Share zakat represents a contemporary issue that has emerged alongside the evolution of the modern global financial system. Scholarly discourse on the fundamental principles governing share zakat has been developed since the 20th century, however, no consensus has been reached regarding its legal basis, the determination of nisab, or the valuation method. In Malaysia, the effects of these juristic differences are reflected in the diverse methods of share zakat calculation across states, leading to confusion among Muslim investors in fulfilling their zakat obligations and potentially affecting state zakat revenue collection. This

article provides a comprehensive examination of the assessment methods of share zakat practiced in Malaysia by exploring the foundations of its legal rulings, the variations in fiqh approaches, and the current practices adopted by state zakat institutions. The study employs a qualitative methodology through content analysis of zakat policy documents, contemporary studies on share zakat implementation, and official guidelines from seven Malaysian states. The findings reveal a lack of uniformity in the computation of share zakat, particularly in the determination of asset value, ownership classification, and treatment of profits. The article concludes that the absence of a standardized framework has caused inconsistencies and confusion among investors, and thus recommends the establishment of a national standardization framework, developed through a multi-stakeholder approach. Several key components are proposed as the foundation for formulating a standardized zakat framework to ensure a more transparent, equitable, and effective share zakat system in Malaysia.

**Keywords:** Zakat On Shares, Contemporary Issues, Zakat Assessment, Zakat Standardisation, Maqasid Syariah Framework

## ABSTRAK

Zakat saham merupakan isu kontemporari yang muncul seiring dengan perkembangan sistem kewangan global moden. Perbincangan tentang asas pelaksanaan zakat saham telah dibangunkan oleh para ulama sejak abad ke-20, namun tiada konsensus dalam menentukan asas hukum, kiraan nisab dan nilai zakat saham. Di Malaysia, kesan daripada khilaf ini dapat dilihat apabila kaedah kiraan zakat saham berbeza antara negeri, justeru menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pelabur Muslim untuk menunaikan kewajipan zakat dan berpotensi menjejaskan kutipan zakat negeri. Artikel ini mengkaji secara komprehensif kaedah-kaedah taksiran zakat saham yang diamalkan di Malaysia, dengan meneliti asas pensyariaan, variasi pendekatan fiqhah, serta amalan semasa oleh institusi zakat negeri. Metodologi kajian menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen dasar zakat, kajian kontemporari tentang isu berkaitan pelaksanaan zakat saham dan garis panduan zakat saham daripada tujuh buah negeri di Malaysia. Dapatan menunjukkan wujudnya ketidakseragaman dalam pengiraan zakat saham dari sudut asas nilai, jenis pemilikan dan pendekatan terhadap keuntungan. Artikel ini merumuskan bahawa ketidakwujudan garis panduan standard telah menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pelabur, dan mencadangkan keperluan standardisasi nasional yang melibatkan semua pihak berkepentingan. Beberapa komponen utama disarankan sebagai asas

pembentukan kerangka piawai bagi memastikan sistem zakat saham yang lebih telus, adil dan berkesan.

**Kata Kunci:** Zakat Saham, Isu Kontemporari, Taksiran Zakat, Keseragaman Zakat, Kerangka Maqasid Syariah

## 1. PENGENALAN

Zakat merupakan satu elemen asas dalam sistem ekonomi Islam yang berfungsi sebagai instrumen pengagihan semula kekayaan dan penyucian harta. Ia bukan sahaja bersifat ibadah tetapi juga mempunyai dimensi sosial yang signifikan dalam memastikan keseimbangan ekonomi dalam masyarakat (Kahf, 1999). Dalam konteks kontemporari, pelbagai bentuk harta moden telah muncul sejajar dengan perkembangan sistem kewangan global, termasuklah pemilikan saham.

Perkembangan sistem kewangan global moden telah membawa kepada kemunculan pelbagai instrumen pelaburan baharu yang mempengaruhi struktur kekayaan masyarakat Islam. Salah satu daripadanya ialah saham, yang mewakili pemilikan modal dalam sesebuah syarikat dan menjadi aset utama dalam ekonomi moden. Dalam konteks fiqh kontemporari, saham diiktiraf sebagai harta yang berkembang (*al-māl al-nāmī*) dan boleh dizakatkan. Walau bagaimanapun, para ulama berbeza pandangan sama ada nilai zakat saham dikira mengikut jenis syarikat mengeluarkan saham, atau mengikut zakat wang simpanan atau dikira seperti kiraan zakat tanaman (Al-Qaradawi, 2006: 491 – 494).

Faktor-faktor seperti pengumuman dividen bonus, hak milik, perubahan dalam lembaga pengarah atau konflik dalaman syarikat boleh memberikan impak besar kepada nilai saham. Bahkan, faktor yang lebih luas seperti sentimen pasaran, ketidaktentuan politik dan ekonomi global boleh mempengaruhi keseluruhan pasaran saham. Hal ini menjadikan harga saham berubah secara mendadak bukan sahaja antara hari, malah dalam satu hari perdagangan yang sama (*intra-day volatility*). Oleh itu, nilai asas yang dijadikan sandaran untuk menaksir zakat saham bagi seorang pelabur juga akan berubah-ubah, lantas menyukarkan penentuan zakat secara konsisten dan adil (Islahi & Obaidullah, 2004).

Di Malaysia, institusi zakat negeri diberi autonomi dalam melaksanakan dasar dan kaedah pengurusan zakat. Ini kerana perlembagaan Malaysia meletakkan hal ehwal agama Islam di bawah bidang kuasa negeri. Keadaan ini bukan sahaja

menyebabkan perbezaan fatwa antara negeri, tetapi turut melibatkan pendekatan berbeza dalam meletakkan kaedah kiraan zakat saham. (Hamat et al., 2017).

Kewujudan pelbagai kaedah taksiran zakat saham di Malaysia menyebabkan perbezaan ketara dalam jumlah zakat yang dikira dan dibayar oleh pelabur Muslim. Sebagai contoh, Lembaga Zakat Wilayah Persekutuan (MAIWP) menetapkan pengiraan berdasarkan nilai pasaran semasa (MAIWP, t.t.), manakala Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) menggunakan nilai terendah dalam tempoh haul (LZNK, t.t.). Negeri lain seperti Perlis (MAIPs, t.t.) dan Perak (MAIAMP, t.t.) pula tidak membezakan antara saham simpanan dan saham dagangan, menyebabkan pelabur membayar zakat atas keseluruhan nilai pegangan, walaupun saham tersebut disimpan untuk jangka panjang tanpa keuntungan aktif.

Terdapat sekurang-kurangnya empat kaedah berbeza dalam mengira menentukan kadar bayaran zakat saham di Malaysia (Endut, et. al., 2015). Keadaan ini menyumbang kepada ketidakadilan kepada sebahagian pemegang taruh dan seterusnya menyalahi konsep maqasid syariah (Dusuki & Bouheraoua, 2011) dalam meletakkan kadar bayaran wajib zakat saham.

Justeru, penyelarasan nilai zakat saham amat penting bukan sahaja untuk keseragaman fiqah, tetapi juga untuk kestabilan pasaran modal Islam di Malaysia, khususnya apabila pasaran modal Islam Malaysia kini merupakan antara yang terbesar di dunia dengan 63.73% sekuriti patuh syariah (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 2023). Dalam usaha ini, JAWHAR telah mengeluarkan panduan manual zakat (JAWHAR, 2008) bertujuan ke arah penyelarasan kadar bayaran nilai zakat saham.

## **Batasan Kajian**

Kajian ini hanya meneliti tujuh buah negeri di Malaysia, iaitu Wilayah Persekutuan, Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Sabah dan Perlis. Pemilihan negeri-negeri ini dilakukan secara tujuan (purposive sampling) berdasarkan keterbukaan data di laman sesawang, variasi pendekatan fiqah yang diamalkan dan kepelbagaian geografi melibatkan Semenanjung dan Sabah. Oleh itu, dapatan kajian tidak mewakili keseluruhan amalan zakat saham di Malaysia, sebaliknya bertujuan memberikan gambaran empirikal terhadap perbezaan dasar dan amalan. Kajian lanjutan disarankan untuk melibatkan semua negeri serta

memasukkan analisis kuantitatif terhadap kesan perbezaan kaedah ini terhadap jumlah kutipan zakat saham di peringkat nasional.

## Definisi Operasional

Bagi memastikan perbincangan lebih jelas, beberapa istilah utama didefinisikan seperti berikut:

**Jadual 1: Definisi Operasional**

| <b>Istilah</b>             | <b>Takrif Operasional</b>                                                                                                                    |
|----------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Saham Simpanan</b>      | Saham yang dimiliki bagi tujuan pelaburan jangka panjang dan tidak diniagakan secara aktif.                                                  |
| <b>Saham Dagangan</b>      | Saham yang dibeli untuk dijual semula dalam jangka pendek bagi memperoleh keuntungan modal.                                                  |
| <b>Nilai Terendah Haul</b> | Nilai pasaran terendah bagi sesuatu saham dalam tempoh setahun (haul) yang digunakan oleh sesetengah institusi zakat sebagai asas pengiraan. |
| <b>Zakat Saham</b>         | Zakat yang dikenakan ke atas pemilikan saham patuh syariah individu atau entiti apabila cukup nisab dan haul.                                |

## 2. KAJIAN LITERATUR

### 2.1 Pensyariatan Zakat Saham

Perbincangan tentang zakat saham bermula apabila bentuk pemilikan moden melalui pasaran modal berkembang dalam ekonomi Islam abad ke-20. Menurut Rosele dan Abdullah (2018), saham dianggap sebagai aset yang memenuhi ciri al-amwal al-nami'ah (harta yang berkembang), dan oleh itu wajib dikenakan zakat sekiranya memenuhi syarat nisab dan haul. Kajian mereka membahagikan zakat saham kepada dua asas utama: zakat atas nilai pasaran saham dan zakat atas pendapatan dividen. Kedua-duanya diterima pakai oleh pelbagai institusi zakat di Malaysia, namun dengan kadar dan pendekatan yang berbeza.

Tambahan pula, Hamat (2014) menegaskan bahawa isu utama bukan terletak pada kewajipan zakat saham itu sendiri, tetapi kepada persoalan kaedah taksiran yang menepati prinsip syariah dan realiti pasaran moden. Faktor turun naik harga saham, tempoh pegangan, dan jenis pemilikan menjadi asas utama perbezaan pandangan ulama dan amalan di institusi zakat negeri.

## 2.2 Pengiraan Zakat Saham

Kajian oleh Endut, Ismail dan Othman (2015) merupakan antara rujukan awal yang menggariskan variasi pendekatan taksiran zakat saham di Malaysia. Mereka mendapati wujud empat kaedah utama yang diamalkan oleh institusi zakat negeri, iaitu:

- i. Berdasarkan nilai terendah saham dalam setahun,
- ii. Berdasarkan nilai pasaran semasa saham,
- iii. Berdasarkan kos asal pelaburan, dan
- iv. Berdasarkan keuntungan dividen sahaja.

Kajian lanjut oleh Hamat, Endut dan Hanapi (2017) menunjukkan bahawa negeri-negeri seperti Selangor, Wilayah Persekutuan dan Kedah menggunakan formula berbeza dalam menentukan nilai zakat saham, bergantung pada interpretasi fatwa dan garis panduan negeri masing-masing. Hal ini membuktikan ketiadaan standardisasi nasional dalam urusan taksiran zakat saham, sekali gus menyebabkan kekeliruan dalam kalangan pelabur Muslim.

Dalam pada itu, Ahmad, Zahid dan Razali (2022) memperkenalkan konsep Hifz al-Mal (pemeliharaan harta) sebagai kerangka maqasid dalam menilai keberkesanan taksiran zakat saham. Mereka berhujah bahawa sistem zakat saham perlu menekankan keadilan antara pelabur kecil dan institusi besar, serta memastikan tidak berlaku bebanan zakat berlebihan akibat turun naik harga pasaran.

Perbezaan pandangan ini turut membuktikan kompleksiti hukum zakat saham yang menjadi cabaran dalam usaha standardisasi. Namun, usaha tersebut telah dimulakan oleh badan-badan rujukan antarabangsa seperti *Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions* (AAOIFI) yang memainkan peranan penting dalam menyeragamkan piawaian zakat di peringkat global. Melalui Shariah Standard No. 35: Zakah (2015), AAOIFI telah menetapkan garis panduan khusus bagi pengiraan zakat ke atas saham dan instrumen kewangan Islam lain dengan menekankan prinsip keadilan, ketelusan dan keseragaman amalan.

Standard ini memperincikan dua pendekatan utama iaitu sama ada zakat ditunaikan oleh syarikat bagi pihak para pemegang saham atau oleh

individu berdasarkan maklumat kewangan syarikat. Ia turut menggariskan kaedah penilaian aset, penentuan nilai pasaran semasa, serta tolakan hutang dan liabiliti bagi menentukan jumlah harta sebenar yang layak dizakatkan. Namun begitu, tahap pematuhan dan pelaksanaan sebenar terhadap piawaian AAOIFI masih berbeza antara negara Islam kerana perbezaan struktur institusi zakat, peraturan kewangan serta kuasa perundangan syariah masing-masing.

### 2.3 Perakaunan dan Implikasi Terhadap Kutipan Zakat

Dalam aspek perakaunan kewangan Islam, Adnan dan Abu Bakar (2009) serta Abojeib, Lukman dan Ahmed (2019) membincangkan bagaimana institusi Islam seperti *Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions* (AAOIFI) memainkan peranan dalam menetapkan piawaian perakaunan zakat. Namun, mereka mengkritik bahawa piawaian ini masih banyak meniru struktur konvensional Barat dan tidak cukup menonjolkan prinsip *keadilan sosioekonomi Islam*. Selain itu, Abojeib, Lukman dan Ahmed menyatakan bahawa walaupun kebanyakan institusi zakat mengamalkan kadar 2.5%, asas pengiraan yang berbeza membawa kepada hasil kutipan yang berbeza.

Ali, Sarif, Balwi dan Kamri (2020) mendapati bahawa faktor institusi dan struktur organisasi memainkan peranan besar dalam menentukan kaedah zakat saham yang digunakan. Dalam beberapa kes, pertimbangan teknikal dan keperluan pelaporan lebih diutamakan berbanding ketepatan hukum fiqah.

Kajian Abbas, Sulaiman dan Bakar (2018) menyimpulkan bahawa perbezaan kaedah taksiran zakat antara negeri menyebabkan jurang kutipan zakat yang signifikan. Ini menunjukkan bahawa standardisasi nasional bukan sahaja penting dari sudut syariah, tetapi juga dari aspek kecekapan ekonomi dan pengurusan zakat.

Keperluan pembangunan model standardisasi zakat turut ditekankan oleh Johari (2023) dan Tajuddin (Tajuddin, 2024) menyeru agar dibangunkan satu model standardisasi zakat yang menggabungkan pendekatan *syariah-compliance accounting* dengan pertimbangan keadilan sosial (maqasid al-shariah). Pendekatan ini diyakini dapat mewujudkan sistem zakat saham yang lebih telus, mudah difahami, dan diterima pakai di seluruh negara.

Kajian di atas menunjukkan dua isu utama:

1. Ketiadaan piawaian nasional dalam taksiran zakat saham.
2. Kurangnya integrasi antara prinsip fiqah, ekonomi dan perakaunan menjadikan pelaksanaan zakat saham bersifat teknikal, bukan holistik.

Kajian ini menilai dan membandingkan kaedah taksiran zakat saham yang diamalkan di seluruh Malaysia untuk mengenal pasti asas standardisasi yang boleh dicadangkan. Selain itu, kajian ini melakukan analisis komprehensif dan kritikal terhadap setiap pendekatan taksiran dengan mempertimbangkan faktor fiqah, ekonomi dan maqasid syariah berdasarkan data praktikal institusi zakat Malaysia.

Dapat disimpulkan bahawa walaupun wujud pelbagai perbincangan tentang zakat saham di Malaysia, **belum ada satu kajian komprehensif** yang:

1. Membandingkan kaedah taksiran zakat saham antara semua negeri,
2. Menganalisis implikasi fiqh, ekonomi dan sosialnya, dan
3. Mencadangkan kerangka standardisasi nasional berpaksaan maqasid syariah.

Justeru, kaedah taksiran zakat saham khususnya di Malaysia perlu diteroka dan dianalisis secara mendalam bagi menilai jurang pengamalan di peringkat nasional dan keselarasan dengan panduan-panduan taksiran zakat saham sedia ada. Hal ini bagi memperlihatkan ruang keperluan untuk membangunkan model standardisasi zakat saham di peringkat nasional yang komprehensif.

### 3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah kajian kepustakaan terhadap rujukan Islam muktabar dan analisis kandungan bagi meneliti pelaksanaan zakat saham oleh institusi zakat negeri di Malaysia (Bowen, 2009). Pendekatan ini dipilih kerana isu zakat saham bukan sekadar bersifat teknikal, tetapi juga melibatkan aspek hukum, pentadbiran, dan kefahaman masyarakat, yang memerlukan penilaian mendalam berdasarkan dokumen dan data sekunder yang tersedia.

Data kajian diperolehi melalui analisis dokumen. Sumber utama kajian merangkumi jurnal-jurnal akademik, laporan institusi zakat dan kaedah pengiraan zakat saham daripada tujuh negeri terpilih di Malaysia. Pemilihan tujuh negeri ini dilakukan berdasarkan tiga kriteria utama. Pertama, variasi kaedah taksiran zakat saham yang diamalkan. Kedua, kemudahan capaian data yang lengkap bagi tujuan analisis. Ketiga, cakupan geografi merangkumi semenanjung dan Borneo.

Data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan triangulasi secara sistematik dengan pendekatan deskriptif dan komparatif. Analisis difokuskan kepada tema-tema utama seperti asas penentuan nilai saham, nisab, kos transaksi, dan kaedah pengiraan zakat yang digunakan oleh institusi zakat negeri. Selain itu, pendekatan perbandingan turut diaplikasikan untuk mengenal pasti persamaan, perbezaan, cabaran utama dan ruang penambahbaikan yang ada dalam pelaksanaan taksiran zakat saham di Malaysia.

## **4. DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Kajian ini memfokuskan pelaksanaan taksiran zakat saham di peringkat negeri-negeri di Malaysia bagi memperlihatkan wujudnya variasi pendekatan dalam menentukan asas kiraan, jenis saham yang dikenakan zakat, serta kaedah pengiraan yang digunakan. Tinjauan ke atas beberapa rujukan autoriti zakat terpilih penting bagi menilai tahap keseragaman asas dan cabaran pelaksanaannya yang diaplikasikan dalam konteks pelaburan moden.

### **4.1 Amalan Taksiran Zakat Saham di Tujuh Negeri**

#### **4.1.1 Wilayah Persekutuan**

Menurut maklumat yang dikemukakan oleh Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Wilayah Persekutuan, pemilik saham boleh mengasingkan pengiraan zakat kepada dua kategori utama. Yang pertama, saham yang dimiliki melebihi setahun, dan kedua ialah saham yang diniagakan dalam tempoh kurang daripada setahun. Pengelasan kaedah ini memberi ruang pembezaan antara saham simpanan jangka panjang dan saham bersifat spekulatif dalam jangka pendek (MAIWP, t.t.).

**Jadual 2: Pengiraan Zakat Saham PPZ Wilayah Persekutuan**

| <b>Saham yang Dijual Beli dalam Setahun</b>                                              |                  |
|------------------------------------------------------------------------------------------|------------------|
| Nilai Saham Semasa (RM)                                                                  | 84,000.00        |
| Baki Semasa Trust Account (RM)                                                           | +5,000.00        |
| Kos Berkaitan (RM)                                                                       | -350.00          |
| <b>Jumlah (RM)</b>                                                                       | <b>88,650.00</b> |
| Kadar Zakat (RM)                                                                         | 2.5%             |
| <b>Jumlah Zakat (RM)</b>                                                                 | <b>2,216.25</b>  |
| <b>Saham yang Disimpan Melebihi Setahun Bertujuan Menjana Keuntungan Melalui Dividen</b> |                  |
| Nilai Saham Semasa (RM)                                                                  | 84,000.00        |
| Baki Semasa Trust Account (RM)                                                           | +5,000.00        |
| Dividen (RM)                                                                             | +1,000.00        |
| Kos Berkaitan (RM)                                                                       | -400.00          |
| <b>Jumlah (RM)</b>                                                                       | <b>89,600.00</b> |
| Kadar Zakat                                                                              | 2.5%             |
| <b>Jumlah Zakat (RM)</b>                                                                 | <b>2,240.00</b>  |

### 4.1.2 Kedah

Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) turut menggariskan dua kaedah pengiraan zakat saham yang hampir sama, iaitu bagi saham simpanan dan saham jual beli (trading). Bagi saham simpanan, zakat dikenakan sebanyak 2.5% atas nilai terendah dalam tempoh setahun, sama seperti kaedah pengiraan zakat wang simpanan. Manakala bagi saham berbentuk jual beli, zakat dikenakan sebanyak 2.5% atas nilai pasaran pada tarikh cukup haul.

Sebagai contoh, bagi pembelian di awal tahun sebanyak 1000 unit dengan harga RM10 seunit, kemudian menurun kepada RM9 seunit pada tarikh genap satu haul, maka ia dizakatkan mengikut nilai pasaran waktu cukup haul dengan kadar 2.5%. Maka jumlah zakat adalah RM225 (LZNK, t.t.).

Dalam panduan yang sama, LZNK turut menyediakan jadual panduan bagi taksiran zakat saham naik turun:

**Jadual 3: Penaksiran Saham Naik Turun Lembaga Zakat Negeri Kedah**

| Bil.          | Saham Syarikat | Nilai Saham Awal Tahun 2021             | Nilai Saham Akhir Tahun 2021             | Nisab pada Akhir Tahun 2021 |
|---------------|----------------|-----------------------------------------|------------------------------------------|-----------------------------|
| 1             | Syarikat X     | 5,000 unit $\times$ RM1.00 = RM5,000.00 | 5,000 unit $\times$ RM3.50 = RM17,500.00 | <b>RM20,345.24</b>          |
| 2             | Syarikat Y     | 3,000 unit $\times$ RM1.50 = RM4,500.00 | 3,000 unit $\times$ RM1.00 = RM3,000.00  |                             |
| 3             | Syarikat Z     | 1,500 unit $\times$ RM1.00 = RM1,500.00 | 1,500 unit $\times$ RM1.00 = RM1,500.00  |                             |
| <b>Jumlah</b> |                | <b>9,500 unit = RM11,000.00</b>         | <b>9,500 unit = RM22,000.00</b>          |                             |

Meskipun zakat saham naik turun ini dilihat sebagai kategori zakat saham berbentuk jual beli kerana ditaksir mengikut nilai akhir haul, namun terdapat kekaburan dari sudut syarat nisab dalam contoh pengiraan yang dikemukakan. Hal ini kerana dalam pengiraan zakat bagi saham jual beli yang dinyatakan hanya mengambil kira nilai pasaran semasa pada tarikh haul dan terus dikenakan kadar 2.5%, tanpa penegasan sama ada nilai tersebut melebihi nisab yang ditetapkan.

Adapun bagi saham naik turun dijelaskan dalam taksiran berkenaan sebagai disyaratkan cukup haul dan nisab (LZNK, 2024). Hal ini boleh menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pelabur. Justeru, kaedah ini memerlukan penambahbaikan dari sudut penjelasan teknikal agar lebih selari dengan prinsip fiqah zakat yang muktabar.

### 4.1.3 Perak

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) menyediakan kalkulator zakat atas talian yang membolehkan pengguna memasukkan bilangan unit dan harga semasa bagi setiap pegangan saham. Sistem ini akan mengira jumlah nilai semasa dan menentukan kewajipan zakat berdasarkan nisab yang dipaparkan. Pendekatan ini lebih mirip kepada kaedah taksiran saham simpanan, kerana ia menilai jumlah nilai keseluruhan pegangan pada tarikh haul. Namun, perincian dari sudut klasifikasi jenis pelaburan saham masih belum dinyatakan secara jelas (MAIAMP, t.t.).

#### 4.1.4 Negeri Sembilan

Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) memperincikan kaedah pengiraan zakat saham dikenakan sebanyak 2.5% atas nilai terendah dalam sesuatu tahun bagi semua saham yang dimiliki selama setahun, setelah ditolak pinjaman atau hutang yang berkaitan. Sekiranya nilai terendah sukar ditentukan, maka digunakan nilai di awal atau akhir tahun, mana yang lebih rendah.

Pendekatan ini menunjukkan fleksibiliti dalam menentukan asas nilai yang munasabah untuk pengiraan zakat. Tambahan pula, sekiranya pemilikan saham tidak genap setahun tetapi pelaburan sering bertukar antara saham dan tunai sepanjang tahun, maka nilai terendah campuran antara kedua-duanya digunakan sebagai asas kiraan. Kaedah ini turut mengambil kira keperluan strategik pemilikan jangka panjang oleh pelabur Muslim yang bertujuan menguasai syarikat. Dalam kes tersebut, zakat disarankan dikira secara lebih berhemah agar tidak menjejaskan keupayaan umat Islam untuk mengekalkan penguasaan dalam struktur pemilikan korporat (MAINS, t.t.).

#### 4.1.5 Pulau Pinang

Zakat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (Zakat MAINPP) turut membahagikan saham kepada dua kategori utama, iaitu saham yang masih dimiliki sehingga hujung haul dan saham yang dijual beli sepanjang haul. Bagi saham pelaburan jangka panjang, zakat dikenakan sebanyak 2.5% atas harga terendah antara kos dan pasaran. Sekiranya saham dibeli bagi tujuan jual beli (trading), zakat dikenakan atas keuntungan bersih setiap transaksi. Pengiraan ini disokong dengan kalkulator atas talian yang mesra pengguna, dan menetapkan bahawa jika syarikat telah menunaikan zakatnya, maka individu tidak wajib membayar zakat sekali lagi. Namun, jika syarikat gagal menunaikan zakat, maka pemilik saham tetap wajib menunaikannya secara individu (MAINPP, t.t.).

#### 4.1.6 Sabah

Bahagian Zakat dan Fitrah (BZF) di bawah Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) menekankan prinsip asas bahawa saham ialah modal yang dilaburkan dalam syarikat dan dianggap sebagai harta yang

boleh membawa keuntungan, justeru tertakluk kepada kewajipan zakat jika memenuhi syarat haul dan nisab. Pengiraan zakat saham di Sabah menggunakan kaedah darab jumlah unit saham dengan harga pasaran semasa dan kemudiannya dikira 2.5% daripada jumlah nilai tersebut.

Namun, yang membezakan pendekatan Sabah ialah penekanan khusus terhadap sumber pembiayaan saham. Zakat hanya dikenakan atas bahagian saham yang dibeli menggunakan wang sendiri, manakala saham yang dibeli melalui pinjaman akan ditolak daripada jumlah keseluruhan sebelum pengiraan zakat dibuat (MUIS, t.t.).

**Jadual 4: Contoh Pengiraan Zakat Saham BZF MUIS**

| <b>1. Saham yang diniagakan/dijual beli</b>                       |                                          |           |
|-------------------------------------------------------------------|------------------------------------------|-----------|
| A                                                                 | Nilai Saham Semasa                       |           |
|                                                                   | 5,000 unit x RM3.00                      | 15,000.00 |
|                                                                   | Baki Semasa Trust Account                | 3,000.00  |
|                                                                   | Jumlah                                   | 18,000.00 |
| B                                                                 | Tolakan Kos (Broker, Clearing, GST 0.5%) | 75.00     |
| C                                                                 | Baki Bersih                              | 17,925.00 |
| D                                                                 | Jumlah Zakat Simpanan (C x 2.5%)         | 448.13    |
|                                                                   | Jumlah Zakat Simpanan (C x 2.577%)       | 461.13    |
| <b>2. Saham yang disimpan untuk menjana dividen (Modal Tunai)</b> |                                          |           |
| A                                                                 | Nilai Saham Semasa                       |           |
|                                                                   | 5,000 unit x RM3.00                      | 15,000.00 |
|                                                                   | Baki Semasa Trust Account                | 3,000.00  |
|                                                                   | Dividen                                  | 750.00    |
|                                                                   | Jumlah                                   | 18,750.00 |
| B                                                                 | Tolakan Kos (Broker, Clearing, GST 0.5%) | 75.00     |
| C                                                                 | Baki Bersih                              | 18,675.00 |
| D                                                                 | Jumlah Zakat Simpanan (C x 2.5%)         | 466.88    |
|                                                                   | Jumlah Zakat Simpanan (C x 2.577%)       | 481.25    |

**3. Saham yang disimpan untuk menjana dividen (Modal Pinjaman)**

|   |                                                    |           |
|---|----------------------------------------------------|-----------|
| A | Nilai Saham ketika dijual<br>(8,000 unit x RM3.00) | 24,000.00 |
|   | (5,000 unit x RM4.00)                              | 20,000.00 |
|   | Baki Semasa Trust Account                          | 6,000.00  |
|   | Jumlah                                             | 50,000.00 |
| B | Tolakan Modal Pembelian                            |           |
|   | (8,000 unit x RM2.50)                              | 20,000.00 |
|   | (5,000 unit x RM3.00)                              | 15,000.00 |
|   | Jumlah Modal                                       | 35,000.00 |
| C | Baki Bersih                                        | 15,000.00 |
| D | Jumlah Zakat Simpanan                              |           |
|   | (C x 2.5%)                                         | 375.00    |
|   | (C x 2.577%)                                       | 386.55    |

Penelitian ini menunjukkan pemakaian prinsip *al-milk al-tam* (pemilikan sempurna) dalam penilaian harta yang dikenakan zakat. Kadar zakat juga dibezakan bergantung kepada kalendar haul yang digunakan. Sekiranya pengiraan berdasarkan kalendar Masihi, kadar zakat adalah 2.577% setahun. Jika berdasarkan kalendar Hijrah, kadar zakat adalah 2.5%.

**4.1.7 Perlis**

Berdasarkan portal Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), taksiran zakat terhadap saham dilaksanakan seperti pengiraan yang telah diaplikasikan terhadap zakat wang simpanan. Pengiraan zakat bagi akaun saham dikira bersama akaun-akaun kewangan yang lain sama ada akaun simpanan atau semasa di bank, amanah saham dan lain-lain. Sekiranya jumlah baki simpanan yang terendah dalam tempoh haul melebihi nisab, maka zakat dikenakan sebanyak 2.5% (MAIPs, t.t.).

Pendekatan taksiran zakat saham yang diamalkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) memperlihatkan satu bentuk penyederhanaan yang signifikan, apabila pelaburan dalam saham ditaksir menggunakan kaedah yang sama seperti wang simpanan biasa. Berdasarkan sistem kalkulator dalam talian yang disediakan

di laman rasmi MAIPs, pengguna hanya diminta untuk memasukkan jumlah simpanan dalam beberapa institusi kewangan, kadar zakat yang dikenakan, dan seterusnya sistem akan mengira jumlah zakat yang perlu dikeluarkan. Kalkulator ini tidak membezakan antara jenis saham seperti saham simpanan atau saham jual beli (trading), malah tidak mengambil kira elemen keuntungan pelaburan seperti dividen, keuntungan modal, atau jangka masa pemilikan saham.

Kaedah ini secara asasnya berpaksikan kepada prinsip bahawa saham merupakan bentuk simpanan kekayaan yang cair (liquid asset) dan wajar ditaksir seperti wang tunai. Meskipun begitu, beberapa penambahbaikan boleh dicadangkan bagi disesuaikan dengan amalan pemilikan dan pelaburan saham masa kini.

## 4.2 Analisis Perbandingan Kaedah Taksiran Zakat Saham di Negeri-Negeri Terpilih

Kajian terhadap pelaksanaan zakat saham di pelbagai negeri menunjukkan wujudnya kepelbagaian pendekatan yang berpunca daripada tafsiran berbeza terhadap asas taksiran dan pengelasan saham. Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP), Kedah, dan Pulau Pinang membezakan antara saham simpanan (pelaburan jangka panjang) dan saham jual beli (trading), iaitu berdasarkan niat dan tempoh pemilikan. Pendekatan ini sejajar dengan pandangan fiqh kontemporari yang membezakan antara *urudh al-tijarah* dan *mal mustafad*.

Namun, pendekatan mereka berbeza-beza dari aspek teknikal. PPZ menggunakan nilai semasa dan dividen sebagai asas, Kedah menilai saham simpanan berdasarkan nilai terendah dalam setahun seperti wang simpanan, sementara Pulau Pinang menggunakan harga terendah antara kos dan pasaran bagi saham simpanan tetapi menilai saham *trading* atas keuntungan bersih setiap transaksi. Ini menunjukkan bahawa tiga negeri tersebut cuba menyesuaikan prinsip zakat dengan realiti pasaran saham moden, namun tahap ketepatan syarak dan ketelusan teknikal masih berbeza.

Sebaliknya, Perak, Negeri Sembilan dan Perlis cenderung kepada penyederhanaan kaedah taksiran, iaitu dengan menilai saham sebagai sebahagian daripada harta simpanan atau aset cair. Pendekatan ini bersifat praktikal dan mudah dilaksanakan, tetapi menimbulkan isu keadilan antara pelabur aktif dan pelabur pasif. Misalnya, negeri Perak dan

Perlis tidak membezakan antara saham pelaburan dan saham dagangan, menjadikan zakat saham dikira seolah-olah seperti zakat wang tunai tanpa mempertimbangkan niat pelaburan, tempoh pemilikan atau pulangan dividen. Negeri Sembilan pula menunjukkan keseimbangan dengan mengambil kira nilai terendah bagi tahun semasa bagi mempertimbangkan masalah pemilikan umat Islam dalam strategik korporat.

Sabah pula menunjukkan keunikan dengan menekankan prinsip *al-milk al-tam* (pemilikan sempurna) dan perbezaan sumber modal. Kaedah Sabah yang menolak saham yang dibiayai dengan pinjaman sebelum pengiraan zakat berdasarkan pendekatan yang konsisten dengan prinsip fiqah klasik iaitu zakat hanya dinilai atas bahagian sebenar yang dimiliki.

**Jadual 5: Perbandingan Kaedah Taksiran Negeri Terpilih**

| Negeri              | Klasifikasi Saham                                     | Asas Nilai                                                              | Kos/Pinjaman                    | Nisab dan Kadar                                             |
|---------------------|-------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------|---------------------------------|-------------------------------------------------------------|
| Wilayah Persekutuan | Ada (saham simpanan > setahun vs jual beli < setahun) | Nilai pasaran semasa + baki akaun                                       | Kos berkaitan ditolak           | 2.5% (berdasarkan nisab emas); jelas                        |
| Kedah               | Ada (simpanan vs jual beli)                           | Simpanan: nilai terendah dalam haul; Jual beli: nilai pasaran pada haul | Tidak jelas dalam dokumen rasmi | 2.5% (nilai pasaran/nilai terendah); isu nisab kurang jelas |
| Perak               | Tiada klasifikasi jelas, dianggap simpanan            | Nilai pasaran semasa pegangan pada tarikh haul                          | Tidak dinyatakan                | 2.5% (ikut nisab emas, dipaparkan dalam kalkulator)         |
| Negeri Sembilan     | Tiada klasifikasi, semua saham ikut nilai terendah    | Nilai terendah sepanjang tahun; jika sukar, guna awal atau akhir tahun  | Boleh tolak pinjaman berkaitan  | 2.5% (atas nilai terendah); jelas                           |

| Negeri       | Klasifikasi Saham                                    | Asas Nilai                                                                    | Kos/Pinjaman                                                      | Nisab dan Kadar                                 |
|--------------|------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------|
| Pulau Pinang | Ada (simpanan jangka panjang vs jual beli)           | Simpanan: harga terendah antara kos dan pasaran; Jual beli: keuntungan bersih | Kos transaksi ditolak; zakat syarikat dikira untuk elak duplikasi | 2.5% (nisab emas); jelas                        |
| Sabah        | Ada (modal tunai vs pinjaman; simpanan vs jual beli) | Nilai pasaran semasa — unit; beza modal ditolak jika pinjaman                 | Kos ditolak; saham pinjaman ditolak modalnya                      | 2.5% (Hijrah) atau 2.577% (Masihi); nisab emas  |
| Perlis       | Tiada klasifikasi, disamakan dengan wang simpanan    | Jumlah baki simpanan terendah sepanjang haul (disatukan dengan simpanan lain) | Tidak diambil kira                                                | 2.5% (atas simpanan termasuk saham); nisab emas |

Jadual perbandingan di atas menunjukkan tiga sudut utama faktor perbezaan penilaian zakat saham, iaitu:

1. Klasifikasi saham dan jenis pemilikan.
2. Asas nilai dan pengiraan zakat.
3. Aspek pelaksanaan dan kejelasan dasar termasuk pengiktirafan nisab, kadar dan pengurangan kos.

#### 4.2.1 Dimensi Fiqah: Klasifikasi Saham dan Jenis Pemilikan

Dari sudut fiqah, perbezaan utama antara negeri ialah mereka membezakan jenis pemilikan saham sama ada saham simpanan jangka panjang (seperti pelaburan tetap) dan saham jual beli jangka pendek (aktif diperdagangkan).

- i. Wilayah Persekutuan, Kedah, Pulau Pinang dan Sabah mempunyai klasifikasi dualistik ini. Pendekatan tersebut selaras dengan pandangan fuqaha kontemporari seperti Al-Qaradawi (2006) yang menganggap saham boleh disetarakan dengan harta perdagangan atau simpanan bergantung pada niat pemilikan.
- ii. Perak, Negeri Sembilan dan Perlis, sebaliknya, tidak membezakan kategori saham, dan secara automatik menganggap semua saham sebagai harta simpanan (amwal mustafadah). Pendekatan ini lebih mudah dari segi pentadbiran, namun boleh menimbulkan kekeliruan apabila saham tersebut sebenarnya bersifat jual beli aktif.

Perbezaan ini menunjukkan bahawa negeri-negeri yang mempunyai klasifikasi (seperti Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang) menekankan niat pemilikan sebagai asas hukum zakat, manakala negeri tanpa klasifikasi menekankan keseragaman untuk memudahkan kutipan. Ini menggambarkan pertembungan antara prinsip *fiqah al-niyyah* dan keperluan operasi institusi zakat.

#### 4.2.2 Dimensi Ekonomi: Asas Nilai dan Penentuan Zakat

Asas nilai yang digunakan bagi menaksir zakat saham berbeza antara negeri, dan boleh dibahagikan kepada tiga pendekatan utama:

**Jadual 6: Asas Nilai Taksiran Zakat**

| Pendekatan                                               | Negeri Terlibat                                      | Ciri-Ciri Utama                                                                                               |
|----------------------------------------------------------|------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Nilai Pasaran Semasa (Market Value Approach)             | Wilayah Persekutuan, Perak, Sabah                    | Berdasarkan harga pasaran terkini pada tarikh haul; paling hampir dengan nilai sebenar aset.                  |
| Nilai Terendah dalam Tempoh Haul (Lowest Value Approach) | Kedah, Negeri Sembilan, Pulau Pinang (bagi simpanan) | Mengambil nilai terendah bagi mengelak kezaliman akibat turun naik harga; lebih konservatif dan berhati-hati. |
| Pendekatan Hibrid (Gabungan Kos dan Pasaran)             | Pulau Pinang, Sabah                                  | Menggabungkan nilai kos dan keuntungan bersih, sesuai dengan pelaburan bercampur tunai dan pinjaman.          |

Dari perspektif keadilan ekonomi, pendekatan nilai terendah (Kedah, Negeri Sembilan) lebih menjaga hak pelabur kecil dalam pasaran tidak stabil. Namun, dari segi potensi hasil kutipan, pendekatan nilai pasaran semasa (Wilayah Persekutuan, Sabah) lebih meningkatkan jumlah zakat dikutip, meskipun berisiko dianggap membebankan apabila harga saham jatuh mendadak.

#### **4.2.3 Dimensi Pentadbiran dan Pelaksanaan: Kos, Pinjaman, Nisab dan kadar**

Dari sudut pentadbiran, semua negeri menggunakan kadar zakat 2.5% berdasarkan nisab emas semasa, menandakan keseragaman dari aspek asas syariah. Namun, perbezaan jelas wujud dalam pengiraan bersih (tolakan kos/pinjaman):

- i. Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Sabah membenarkan tolakan kos transaksi atau pinjaman berkaitan pembelian saham. Ini selaras dengan prinsip *dar' al-mafsadah* iaitu mengelakkan bebanan berganda kepada pelabur.
- ii. Kedah, Perak dan Perlis tidak menyatakan secara jelas dalam garis panduan rasmi mengenai tolakan kos, menimbulkan isu kekeliruan dalam pelaksanaan sebenar oleh pembayar zakat.

Dari aspek kejelasan dokumentasi, Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang mempunyai manual dan kalkulator dalam talian yang jelas. Sebaliknya, Kedah dan Perlis masih menggunakan garis panduan umum zakat simpanan tanpa pecahan khusus untuk saham.

Keadaan ini menunjukkan kewujudan jurang institusi dalam kejelasan dasar dan dokumentasi rasmi. Negeri dengan struktur perakaunan zakat yang kukuh (contohnya Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang) lebih konsisten dengan prinsip *transparency and equity* dalam zakat korporat, manakala negeri lain masih bersifat adaptif.

#### **4.2.4 Analisis Sinergi (Gabungan Ketiga-Tiga Dimensi)**

Apabila ketiga-tiga dimensi (fiqh, ekonomi, dan pentadbiran) dibandingkan secara triangulasi:

**Jadual 7: Analisis Sinergi Tiga Dimensi**

| <b>Dimensi</b>                   | <b>Negeri Paling Menonjol</b>     | <b>Ciri Positif</b>                                | <b>Isu/Risiko</b>                   |
|----------------------------------|-----------------------------------|----------------------------------------------------|-------------------------------------|
| Fiqh<br>(Klasifikasi Saham)      | Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang | Jelas membezakan simpanan dan jual beli            | Interpretasi niat mungkin subjektif |
| Ekonomi<br>(Asas Nilai)          | Negeri Sembilan, Kedah            | Gunakan nilai terendah – adil kepada pelabur kecil | Boleh kurangkan hasil kutipan zakat |
| Pentadbiran<br>(Kos dan Dokumen) | Pulau Pinang, WP                  | Panduan rasmi dan kalkulator dalam talian          | Perlu diseragamkan antara negeri    |

Analisis menunjukkan tiada satu pun negeri yang melaksanakan model zakat saham yang komprehensif merangkumi fiqh, ekonomi dan pentadbiran secara serentak. Negeri seperti Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang dilihat lebih ke hadapan dari segi fiqh dan kejelasan pelaksanaan, manakala Negeri Sembilan dan Kedah lebih teliti dari sudut keadilan nilai. Perlis dan Perak pula masih agak ketinggalan dari segi klasifikasi dan panduan praktikal.

## 5. KESIMPULAN

Kajian ini mendapati bahawa pelaksanaan kaedah taksiran zakat saham di Malaysia masih belum mencapai tahap standardisasi yang menyeluruh disebabkan oleh kepelbagaian pendekatan fiqh, variasi tafsiran terhadap konsep pemilikan (al-milk al-tam), serta kekurangan koordinasi antara institusi zakat negeri. Perbezaan asas kiraan seperti tolakan modal pinjaman, klasifikasi saham dan asas nilai penilaian menunjukkan bahawa ketiadaan garis panduan nasional yang seragam boleh mengakibatkan tidak konsisten dalam pengiraan dan seterusnya kekeliruan dalam kalangan pelabur Muslim. Hal ini turut memberi kesan terhadap persepsi awam terhadap profesionalisme dan kredibiliti institusi zakat.

Namun demikian, cadangan penyelarasan juga tidak wajar bersifat ringkas kerana perlu menempuh pelbagai cabaran termasuk perbezaan sistem kewangan antara negeri, keperluan keselarasan dengan prinsip syariah tempatan, serta kekangan keupayaan teknologi maklumat dalam mengenal pasti aset pelaburan.

Oleh itu, pendekatan standardisasi yang dicadangkan mestilah bersifat *adaptive harmonization*, iaitu menyeragamkan prinsip asas tanpa menafikan kelonggaran pelaksanaan di peringkat negeri.

Berdasarkan dapatan ini, lima komponen utama dicadangkan sebagai teras kepada pembentukan Kerangka Piawai Taksiran Zakat Saham Nasional yang bersifat komprehensif dan boleh disepadukan dengan sistem kewangan moden:

### **1. Klasifikasi Saham Berasaskan Niat dan Tempoh Pemilikan**

Penetapan garis pemisah yang jelas antara saham dagangan (trading) dan saham pelaburan (investment holding) bagi mengelakkan pertindihan hukum dan kaedah pengiraan.

### **2. Asas Nilai Seragam dan Telus**

Pemilihan satu pendekatan nilai (nilai pasaran semasa, nilai terendah, atau hibrid) bagi memastikan ketelusan dan keseragaman dalam asas kiraan zakat antara negeri.

### **3. Pengiktirafan Kos Transaksi dan Pembiayaan**

Penerapan prinsip keadilan dengan mengambil kira kos pembiayaan dan modal pinjaman dalam menentukan nilai bersih harta yang benar-benar dimiliki. Aplikasi *qiyas* zakat saham terhadap zakat *mustaghallat* yang mewajibkan zakat ke atas dividen pelaburan sahaja turut boleh dinilai semula sebagai asas taksiran (Zahri et al., 2023).

### **4. Penentuan Harta *Nama'* dengan jelas pada Integrasi Keuntungan Dividen dan Modal atau Dividen sahaja**

Penentuan harta *al-nama'* perlu dijelaskan sama ada meliputi kedua-dua bentuk keuntungan (dividen dan modal) atau hanya dividen sahaja. Integrasi ini penting bagi menggambarkan pertumbuhan sebenar pelaburan serta membezakan antara saham dagangan dan saham pelaburan dari sudut zakat.

### **5. Penentuan Nisab dan Haul yang Praktikal**

Penyelarasan kaedah penentuan nisab berdasarkan nilai emas semasa dan tarikh tahun kewangan yang seragam untuk tujuan pelaporan dan audit zakat korporat.

Pelaksanaan kerangka ini disarankan dilaksanakan melalui *joint committee* yang melibatkan Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam (MKI), serta pakar fiqh muamalat dan ekonomi Islam, bagi memastikan kesepaduan antara hukum, pengurusan, dan teknologi. Selain itu, beberapa kajian lanjutan disyorkan pada aspek pengukuran kepatuhan pelabur serta jurang kutipan zakat terhadap variasi kaedah taksiran yang diamalkan dan penilaian terhadap keberkesanan piawaian yang dibangunkan serta penerimaan pelabur. Hal ini penting bagi memastikan tercapai tujuan pensyariatkan zakat yang bukan sahaja untuk memenuhi keperluan asnaf, tetapi juga membersihkan jiwa *muzakki* dengan pensyariatkan yang adil dan telus.

## 6. PENGHARGAAN

Rakaman penghargaan kepada Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin atas peluang diberikan dalam penulisan akademik di peringkat nasional dan global. Turut diungkapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para penilai artikel ini atas komentar dan saranan yang membina bagi memperkukuh kualiti penulisan dan analisis. Penghargaan juga ditujukan kepada pihak Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, serta institusi zakat negeri-negeri Wilayah Persekutuan, Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Sabah atas keterbukaan maklumat yang membolehkan analisis dokumen ini dilaksanakan. Tidak dilupakan juga kepada rakan penyelidik di universiti dan industri yang memberikan pandangan kritis sepanjang proses penyusunan manuskrip ini. Segala kelemahan dalam artikel ini adalah tanggungjawab penulis sepenuhnya.

## 7. RUJUKAN

- Abbas, S. Z. M., Sulaiman, S., & Bakar, N. A. (2018). A Review on Zakat Payments by Islamic Banks in Malaysia. *International Journal of Zakat: Special Issue on Zakat Conference*, 71 – 82. <https://doi.org/https://doi.org/10.37706/ijaz.v3i4.107>
- Abdul Azim Islahi; Mohammed Obaidullah. (2004). *Zakah On Stocks : Some Unsettled Issues*. Economics, Islamic Arabia, Saudi, 17(2), 3 – 17.
- Abojeib, M., Lukman, B., Ahmed, M. U., & Ahmad, M. (2019). *A Review of Zakat Practices of Islamic Financial Institutions in Malaysia*. 7th ASEAN Universities International Conference on Islamic Finance (7th AICIF 2019), 136 – 144. <https://doi.org/10.5220/0010115900002898>
- Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions*. (2015). Shari'ah Standard No. 35: Zakah [English version]. <https://aaofii.com/shariaa-standards/?lang=en>
- Ahmad, N. A., Sylviana, E., Zahid, M., Razali, M., Zaid, M., Zin, M., Rahim, H. A., Ahmad, N. A., Sylviana, E., & Zahid, M. (2022). Zakat on Shares in Developing Hifz Mal Zakat on Shares in Developing Hifz Mal. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 1(9), 1828 – 1834. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v12-i9/15136>
- Akhyyar Adnan, M., & Barizah Abu Bakar, N. (2009). Accounting treatment for corporate zakat: A critical review. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 2(1), 32 – 45.
- Al-Qaradawi, Y. (2006). *Fiqh al-Zakāt* (25th ed.). Maktabah Wahbah.
- Ali, N. A., Sarif, S., Mohd Balwi, M. A. W. F., & Kamri, 'Azzah. (2020). ASSESSMENT OF ZAK Ā T : A CASE STUDY OF ISLAMIC BANK IN MALAYSIA. *International Journal of Economics, Management and Accounting*, 28(2), 431 – 456.
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27 – 40.
- Dusuki, A. W., & Bouheraoua, S. (2011). THE FRAMEWORK OF MAQĀS. ID AL-SHARĪ'AH AND ITS IMPLICATION FOR ISLAMIC FINANCE. *ICR Journal*, 2(2), 316 – 336. <https://doi.org/https://doi.org/10.52282/icr.v2i2.651>
- Endut, Wan Anisah; Ismail, Suraya; Othman, A. (2015). Method of Zakat Assessment on Shares in Malaysia. *International Journal of Education and Research*, 3(6), 327 – 334.
- Hamat, Z. (2014). Sustainable Zakat Accounting in Malaysia : An Analysis. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 5(19), 139 – 146. <https://doi.org/10.5901/mjss.2014.v5n19p139>

- Hamat, Z., Endut, W. A., & Hanapi, M. S. (2017). Shares Zakah Accounting in Malaysia : Fatawa , Manual and Practices. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(2), 812 – 824. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v7-i2/2717>
- JAWHAR. (2008). *Manual Pengurusan Zakat* (Kedua). Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB).
- Johari, M. N. S. (2023). THE IMPORTANCE OF ITS IMPLEMENTATION IN ZAKAT. *Azka International Journal of Zakat & Social Science*, 4(2), 145 – 160. <https://doi.org/https://doi.org/10.51377/azjaf.vol4no2.170>
- Kahf, M. (1999). THE PERFORMANCE OF THE INSTITUTION OF ZAKAH IN THEORY AND PRACTICE. *International Conference on Islamic Economics Towards the 21st Century*.
- LZKN. (n.d.).(6 November 2025) *Zakat Saham*. <https://www.zakatkedah.com.my/zakat-saham/>
- MAIAMP. (6 November 2025) *Kalkulator Zakat: Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak*. <https://www.maiamp.gov.my/kalkulatorzakat/>
- MAINPP. (9 November 2025) *Zakat Saham*. <https://zakat.mainpp.gov.my/zakat-saham-2/>
- MAINS.(9 November 2025) *Zakat Saham*. <https://www.mains.gov.my/v2/zakat/kutipan/jenis-zakat/zakat-saham>
- MAIPs. (6 November 2025) *Jenis-jenis Zakat*. <https://www.maips.gov.my/jenis-jenis-zakat/>
- MAIWP.(6 November 2025) *Zakat Saham*. <https://www.zakat.com.my/info-zakat/jenis-jenis-zakat/zakat-saham/>
- MUIS.(9 November 2025) *Zakat Saham*. [https://appszakat.sabah.gov.my/jenis\\_zakat.php](https://appszakat.sabah.gov.my/jenis_zakat.php)
- Rosele, M. I., & Abdullah, L. H. (2018). Zakah on shares : Theory and reality in Malaysia. *Journal of Emerging Economies & Islamic Research*, 6(2), 30 – 39.
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2023). *Laporan Tahunan 2023 Suruhanjaya Sekuriti Malaysia*.
- Tajuddin, T. S. (2024). AN ANALYSIS OF BUSINESS ZAKAT REPORTING IN ISLAMIC BANKING INSTITUTIONS: EVIDENCE FROM MALAYSIA, INDONESIA AND BRUNEI. *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, 7(1), 74 – 95. <https://doi.org/https://doi.org/10.53840/ijiefer157>
- Zahri, M. A., Ilyana, N., Adnan, M., Hamat, Z., Izhar, M., & Mohd, A. (2023). PERAKAUNAN ZAKAT PELABURAN : KES AMANAH SAHAM BUMIPUTERA ( ASB ) Zakat Accounting for Investments : Case of Amanah Saham Bumiputra ( ASB ) *Journal of Fatwa Management and Research*, 28(1), 85 – 95. <https://doi.org/https://doi.org.10.33102/jfatwa.vol28no1.499>



<http://journal.jawhar.gov.my>

ISSN 3036-0382



9 773036 038002

**Department of Awqaf, Zakat and Hajj (JAWHAR)**  
**Prime Minister Department**  
**Level 8-9, Block D,**  
**Kompleks Islam Putrajaya (KIP),**  
**62100 Putrajaya**

**Tel: 03-8883 7400 Fax: 03-8883 7416**